

## Titik panas yang dikesan menerusi satelit NOAA-18



### Petunjuk

- Titik panas
- ➔ Arah angin

### Jumlah titik panas sehingga 3 ptg semalam

- Semenanjung - 3
- Sarawak - 4
- Sumatera - 86

# Fenomena jerebu dijangka berterusan

**K**UALA LUMPUR: Jerebu dijangka berterusan walaupun beransur pulih berikutan keadaan kebakaran di negara jiran yang masih belum ditangani sepenuhnya.

Jumlah titik panas yang mewakili kawasan kebakaran di negara jiran menunjukkan peningkatan mendadak iaitu 86 di Sumatera dan 49 di Kalimantan berbanding 23 dan empat yang dicatatkan sebelum ini.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya, bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sehingga jam 5 petang tadi menunjukkan keadaan semakin pulih dengan 23 kawasan mencatatkan tahap sederhana manakala 26 lagi

dalam keadaan baik.

Tiga kawasan iaitu Shah Alam, Pelabuhan Klang dan Cheras yang sebelum ini mencatatkan kualiti udara tidak sihat, merekodkan bacaan sederhana iaitu 57, 67 dan 63, pada sebelah petang semalam.

Jarak penglihatan di kebanyakan kawasan tidak banyak berubah sehingga jam 5 petang semalam iaitu melebihi 10 kilometer (km), kecuali di beberapa kawasan seperti Kuching dengan lima kilometer (km) diikuti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan tujuh km manakala Batu Embun dan Petaling Jaya mencatatkan lapangan km.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, cuaca kering dan hujan yang berkurangan dijangka berlarutan sehingga September depan berikutan musim Monsun Barat Daya.

Katanya, Monsun Barat Daya yang bermula pertengahan Mei lalu hingga September depan menyebabkan kebanyakan kawasan di Malaysia mengalami lebih banyak hari tanpa hujan.

"Keadaan atmosfera menjadi lebih stabil dan mengurangkan proses perolakan yang kuat seterusnya mengakibatkan kebanyakan kawasan di Malaysia mengalami pengurangan hujan," katanya di sini, semalam.